

Newspaper : **Berita Harian**Date : **18th Nov 2014**Title : **Bina Puri dapat tender RM49.87 juta**Section : **Bisnes** Page : **B5****Bina Puri Holdings Bhd**

(207184-X)

Bina Puri dapat tender RM49.87 juta

Bina Puri Holdings Bhd menerusi anak syarikatnya, **Bina Puri Sdn Bhd**, memperoleh tender bagi pelaksanaan projek bernilai RM49.87 juta daripada **Brilliant Corridor Sdn Bhd**.

Ia bagi kerja membina dan menyiapkan infrastruktur di tanah bersebelahan Stesen 01 bagi cadangan lanjutan Transit Aliran Ringan (LRT) Laluan Ampang ke Putra Heights (Projek Lanjutan LRT Laluan Ampang).

Katanya, tanah di Awan Besar, Bukit Jalil, Kuala Lumpur itu disediakan untuk pembangunan campuran oleh **Brilliant Corridor** dan **Prasarana Malaysia Bhd**.

Pengarah Urusan Kumpulannya, **Tan Sri Tee Hock Seng**, berkata tender daripada **Brilliant Corridor** itu adalah pengiktirafan kepada keupayaan **Bina Puri** melaksanakan projeknya tepat pada masa.

Terima surat pemberian kontrak

"Penting bagi projek ini membina kerja-kerja infrastruktur di Awan Besar untuk disiapkan dalam tempoh dengan permulaan operasi di Stesen 01 jika ini bermakna untuk meningkatkan perkhidmatan LRT Prasarana," katanya dalam kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia, **Bina Puri** mengumumkan, anak syarikatnya itu menerima surat pemberian kontrak (LoA) daripada **Brilliant Corridor**. **Bina Puri** berkata, projek itu dijangka siap dalam tempoh lapan bulan.

Kontrak kerja itu, antaranya, membabitkan pembinaan dan menyiapkan jalan masuk utama yang baharu, penjajaran semula jalan raya sedia ada, laluan bawah, tembok penahan, medan letak kereta dan laluan pejalan kaki berbumbung.

BERNAMA